

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesiediaan Pelajarpelajar Aliran Vokasional Untuk Memilih Kerjaya Dalam Bidang Yang Dipelajari

Asnul Dahar Bin Minghat, Kandar Bin Selamat & Hartini Binti Mohd Rejab

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian berbentuk deskriptif ini dijalankan bagi mengenalpasti samaada faktor minat, jangkaan pendapatan, kerja, dan ibu bapa serta rakan mempengaruhi kesiediaan pelajar-pelajar aliran vokasional untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari. Sampel kajian ini melibatkan seramai 127 orang pelajar aliran vokasional yang mengikuti kursus Amalan Bengkel Mesin, Automotif, Binaan Bangunan, Elektrik, Elektronik, Kimpalan Fabrikasi Logam serta Penyejukan dan Penyamanan Udara. Tempat kajian ini dijalankan ialah di Sekolah Menengah Teknik Kluang, Johor. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian ini. Nilai indeks kebolehpercayaan item soal selidik ialah 0.862. Data-data yang diperolehi dianalisis melalui komputer dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor jangkaan pendapatan merupakan faktor yang tertinggi sekali dengan nilai purata min 2.73 diikuti faktor minat dengan nilai purata min 2.55 dan faktor kerja dengan nilai purata min 2.54. Faktor ibu bapa serta rakan merupakan faktor yang terendah sekali dengan nilai purata min hanyalah 2.23. Beberapa cadangan telah dikemukakan bagi memungkinkan kajian lanjutan dijalankan.

Katakunci : faktor minat, jangkaan pendapatan, kerja, ibu bapa, aliran vokasional, memilih kerjaya

Pengenalan

Malaysia telah lama menyimpan hasrat untuk menjadi sebuah negara maju. Wawasan 2020 yang telah diinspirasikan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia yang keempat iaitu Yang Amat Berhormat Tun Mahathir B. Mohamad telah menjadi matlamat kita semua. Untuk menjadi sebuah negara yang maju, Malaysia telah mengalihkan tumpuan ekonomi daripada pertanian kepada perindustrian. Dalam tempoh masa kurang 12 tahun sahaja lagi menjelang tahun 2020, Malaysia kini sedang giat menjalankan kerja-kerja yang menjurus kepada kemajuan negara. Untuk merealisasikan hasrat ini, kepakaran dan kemahiran dalam bidang teknologi amat diperlukan oleh negara kita. Oleh yang demikian, Malaysia amat memerlukan pekerja-pekerja professional, mahir dan separa mahir dalam bidang-bidang teknologi seperti kimpalan, automotif, binaan bangunan, elektronik, elektrik dan lain-lain. Dalam memperkatakan tentang penyediaan pekerja mahir dan separa mahir, Ramlee (2000) berpendapat bahawa dalam merealisasikan Wawasan 2020 secara umumnya, para majikan bersetuju bahawa pendidikan teknik dan vokasional dapat membantu menyediakan pekerja mahir dan separa mahir.

Mahathir (1991) ada menyatakan pertumbuhan di dalam ekonomi dan industry Malaysia adalah bergantung kepada keupayaan kita untuk mempertahankan produktiviti yang tinggi dan daya saing di arena antarabangsa. Daya saing dan produktiviti industry pula bergantung kepada adanya tenaga kerja yang berpendidikan, mahir, dan bermotivasi tinggi. Rakyat adalah sumber utama. Tanpa ragu-ragu pada tahun 1990an dan seterusnya, Malaysia mestilah memberi perhatian sepenuhnya kepada pembangunan sumber yang amat penting ini.

Peluang untuk melanjutkan pelajaran dan memasuki alam pekerjaan terbuka luas kepada pelajar-pelajar aliran vokasional ini. Bagi merebut peluang pekerjaan di negara ini, ramai

majikan yang bersedia untuk menerima pelajar-pelajar vokasional bekerja dengan mereka. Hal ini dibuktikan melalui Laporan Kajian Sistem Pelajaran Vokasional Di Semenanjung Malaysia yang dijalankan pada tahun 1981. Merujuk kepada laporan ini, sebanyak 45.2 % lepasan sekolah vokasional hanya menunggu di antara satu hingga enam bulan sahaja sebelum mendapatkan pekerjaan. Ini menunjukkan bahawa pelajar lepasan sekolah vokasional amat diperlukan dalam memenuhi kehendak pasaran kerja negara.

Pernyataan masalah

Masalah kekurangan pekerja mahir dan kebergantungan terhadap pekerja asing dalam bidang-bidang teknologi seperti kimpalan dan binaan bangunan menjadi satu masalah yang perlu diselesaikan dengan segera oleh negara ini. Pelajar-pelajar aliran vokasional amat diperlukan untuk menjadi sumber tenaga kerja dalam bidang-bidang ini. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar-pelajar aliran vokasional untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari dari aspek minat, jangkaan pendapatan, kerja dan ibu bapa serta rakan.

Objektif Kajian

Merujuk kepada pernyataan masalah yang dinyatakan sebelum ini, pengkaji telah mengenalpasti beberapa objektif kajian dalam penyelidikan ini iaitu :

- i. Menenalpasti samaada faktor minat mempengaruhi kesediaan pelajar-pelajar aliran vokasional untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari.
- ii. Menenalpasti samaada faktor jangkaan pendapatan mempengaruhi kesediaan pelajar-pelajar aliran vokasional untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari.
- iii. Menenalpasti samaada faktor kerja mempengaruhi kesediaan pelajar-pelajar aliran vokasional untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari.
- iv. Menenalpasti samaada faktor keluarga serta rakan mempengaruhi kesediaan pelajar-pelajar aliran vokasional untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memberi gambaran dan maklumat yang jelas sama ada kesediaan pelajar-pelajar aliran vokasional untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari adalah dipengaruhi oleh faktor minat, jangkaan pendapatan, kerja dan ibu bapa serta rakan. Perkara ini perlu dipertimbangkan oleh pihak pelajar, guru, dan pihak pengurusan sekolah. Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan seperti berikut :

Pelajar : Agar dapat merencana dan merancang matlamat pembelajaran mereka dengan jelas dan tepat. Pelajar juga diharap agar dapat meningkatkan kesediaan mereka untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari.

Guru : Agar dapat meningkatkan usaha untuk memberikan pengetahuan dan pendedahan tentang bidang yang diajar. Guru juga diharap agar dapat meningkatkan kesediaan pelajar untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari.

Pihak Pengurusan Sekolah : Agar dapat menyusun program dan aktiviti motivasi serta pendedahan yang sewajarnya tentang alam pekerjaan kepada pelajar bagi meningkatkan kesediaan pelajar untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari.

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia : Agar dapat memberi hubungkait antara sekolah dan alam pekerjaan kepada pelajar bagi meningkatkan kesediaan pelajar untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari.

Reka bentuk kajian

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah berbentuk deskriptif yang menggunakan pendekatan tinjauan. Menurut Mohd Majid (1994) kajian berbentuk deskriptif adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Tambah beliau lagi, kajian tinjauan sesuai digunakan dalam penyelidikan kerana ia bermatlamat untuk mengumpul maklumat mengenai pembolehubah.

Tuckmen (1985) menyatakan bahawa kajian deskriptif menerangkan fenomena dengan menganalisis data deskriptif yang diperolehi dengan soal selidik atau mediamedia. Menurut Mohd Majid (1994) pula, kajian deskriptif menjelaskan mengenai fenomena semasa samada secara kuantitatif atau kualitatif. Selain daripada itu, Van Dalen (1993) juga ada menyatakan bahawa kajian tinjauan secara deskriptif adalah kajian terhadap perkara yang sedang berlaku. Keadaan ini melibatkan pengumpulan data-data, membuat inteprestasi (tafsiran), perbandingan dan merumus generalisasi (kesimpulan secara umum).

Dalam kajian ini, fenomena yang dikaji oleh pengkaji ialah faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar-pelajar aliran vokasional untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari.

Instrumen kajian

Instrumen yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah soal selidik. Borang soal selidik ini diedarkan kepada sampel kajian untuk mendapatkan maklum balas yang merangkumi beberapa item. Menurut Mohd. Majid (1994), soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya.

Oppenheim (1966) pula menyatakan soal selidik selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan, selain daripada pandangan latar belakang.

Menurut Van Dalen (1993), soal selidik merupakan satu cara paling mudah untuk memperolehi maklumat. Soal selidik mempunyai beberapa kebaikan dibandingkan dengan cara-cara lain dalam usaha penyelidik mendapatkan maklumat kualitatif dan kuantitatif. Di antaranya ialah maklumat dan data-data dari responden dapat diperolehi secara terus daripada responden. Selain itu ianya lebih cepat serta menjimatkan masa dan perbelanjaan. Set soal selidik ini terdiri dari dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Sampel dan Populasi

Menurut Mohd Najib (1999), populasi merupakan cerapan ke atas sekumpulan individu atau objektif yang mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama di antara individu dengan individu yang lain. Sampel mewakili populasi. Daripada data yang diperolehi dari pihak sekolah, didapati bahawa populasi kajian ini ialah seramai 189 orang pelajar. Mereka terdiri daripada pelajar tingkatan empat aliran vokasional yang mengikuti kursus Amalan Bengkel Mesin, Automotif, Binaan Bangunan, Elektrik, Elektronik, Kimpalan Fabrikasi Logam dan Penyejukan dan Penyamanan Udara. Jadual 1 di sebelah menunjukkan bilangan populasi dan sampel pelajar mengikut bidang yang dipelajari.

Jadual 1 : Bilangan populasi dan sampel pelajar mengikut bidang yang dipelajari

Bidang	Populasi Pelajar, (N)	Bilangan sampel, (S)
Amalan Bengkel Mesin	37	24
Automotif	40	25
Binaan Bangunan	16	10
Elektrik	20	13
Elektronik	16	10
Kimpalan Fabrikasi Logam	37	24
Penyejukan dan Penyamanan Udara	34	21
Jumlah	189	127

Oleh kerana bilangan populasi kajian agak ramai, pengkaji telah menggunakan sampel bagi mewakili populasi. Saiz sampel ditentukan dengan merujuk kepada rumusan oleh Krejcie dan Morgan (1970) dalam *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan* (2007).

Setelah dikira mengikut rumus tersebut, didapati bahawa sampel kajian ini ialah seramai 127 orang pelajar. Pemilihan sampel kajian dilakukan secara rawak kelompok atas kelompok.

Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan kajian yang dijalankan sebelum set soal selidik digunakan dalam kajian sebenar. Kajian rintis dijalankan terlebih dahulu untuk memastikan nilai kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan. Menurut Mohd Majid (1994), kebolehpercayaan akan memberi darjah kekekalan dan ketepatan instrumen pengukuran. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan memberi keputusan yang sama dan hampir sama setiap kali ia digunakan di dalam situasi setara. Menurut Mohd Salleh dan Zaidatun (2001), nilai kebolehpercayaan alpha melebihi 0.6 mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan soalan yang tinggi.

Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan kajian rintis terlebih dahulu sebelum set soal selidik yang sebenar diedarkan kepada responden. Beberapa pengubahsuaian terhadap set soal selidik telah dilakukan bagi mengatasi beberapa kelemahan yang telah dikenalpasti. Menurut Wiersma (1991) kajian rintis membolehkan penyelidik membuat pengubahsuaian daripada kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti.

Analisis Keseluruhan

Jadual 2 menunjukkan analisis keseluruhan bagi setiap persoalan kajian dengan nilai purata peratusan dan purata min.

Jadual 2: Analisis Keseluruhan Bagi Setiap Persoalan Kajian dalam Nilai Purata Peratusan dan Purata Min

Persoalan Kajian	Faktor yang Mempengaruhi	Purata (%)			Purata Min	Tahap
		Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju		
1	Minat	21.55	2.66	75.8	2.55	Sederhana
2	Jangkaan Pendapatan	11.31	4.03	84.68	2.73	Sederhana
3	Kerja	19.88	5.7	74.43	2.54	Sederhana
4	Ibu Bapa serta Rakan	33.06	3.55	63.39	2.23	Rendah

Merujuk kepada Jadual 4.8, hasil analisis keseluruhan menunjukkan bahawa faktor tertinggi yang mempengaruhi kesediaan pelajar-pelajar aliran vokasional untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari ialah faktor jangkaan pendapatan. Purata min bagi faktor ini ialah 2.73. Faktor ini berada pada tahap sederhana.

Faktor kedua tertinggi ialah faktor minat dengan nilai purata minnya 2.55. Faktor ini berada pada tahap sederhana. Faktor ketiga yang mempengaruhi kesediaan pelajar-pelajar aliran vokasional untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari ialah faktor kerja. Nilai purata min bagi faktor ini ialah 2.54. Faktor ini juga berada pada tahap sederhana.

Faktor terakhir yang mempengaruhi kesediaan pelajar-pelajar aliran vokasional untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari ialah faktor ibu bapa serta rakan. Nilai purata min bagi faktor ini ialah 2.23. Faktor ini berada pada tahap rendah.

Perbincangan

Pengkaji membincangkan dapatan kajian berdasarkan penganalisan data yang diperolehi dalam bab empat. Perbincangan difokuskan kepada empat faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar-pelajar aliran vokasional untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari iaitu faktor minat, faktor jangkaan pendapatan, faktor kerja, dan akhir sekali faktor ibu bapa serta rakan.

Hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi, dapat dilihat bahawa pelajar-pelajar aliran vokasional bersetuju bahawa minat merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kesediaan mereka untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari. Keputusan kajian menunjukkan bahawa faktor ini merupakan faktor kedua tertinggi selepas faktor jangkaan pendapatan. Faktor minat ini berada pada tahap sederhana dengan nilai purata min 2.55.

Hasil kajian yang diperolehi juga selari dengan pendapat Holland (1973) yang menyatakan bahawa minat seperti minat dalam satu-satu bidang latihan atau pekerjaan yang khusus merupakan faktor kedua penting dalam mempengaruhi perkembangan kerjaya.

Hasil kajian ini juga selari dengan pernyataan Tolbert (1974) dalam Mat Khailil (2000) yang menyatakan bahawa minat boleh mempengaruhi seseorang itu dalam pemilihan kerjayanya. Proses ini nanti akan membantu menentukan satu identity kerja disamping membantu seseorang

individu itu mempelajari tentang peluang yang ada serta mencuba rancangan-rancangan kerja separuh masa, kerja-kerja lapang dan kerja-kerja dalam situasi pekerjaan tersebut yang sebenar.

Hasil kajian ini juga selari dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Norlia (2000) dalam kajiannya terhadap pelajar tahun satu Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia yang mendapati minat merupakan faktor yang penting dalam pemilihan profesion perguruan. 75% responden kajiannya bersetuju bahawa mereka memilih kursus perguruan kerana minat terhadap bidang tersebut.

Analisis bagi item lapan iaitu “Saya bercita-cita untuk bekerja dalam bidang ini” menunjukkan bahawa 91 orang (71.1%) responden menjawab setuju, 33 orang (26%) menjawab tidak setuju dan tiga orang (2.4%) menjawab tidak pasti. Perkara ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden berminat untuk bekerja dalam bidang yang dipelajari sekarang. Pada pendapat pengkaji, jika seseorang itu berminat terhadap sesuatu kerjaya maka individu tersebut akan lebih berusaha untuk mencapai atau mendapatkan peluang pekerjaan yang diminatinya. Perkara ini selari dengan pernyataan oleh Atan (1982) yang menyatakan bahawa pemilihan kerjaya mestilah selaras dengan minat individu kerana ianya merupakan pilihan untuk masa depan. Penentuan sesuatu bidang kerjaya yang diminati oleh individu tersebut adalah penting kerana pekerjaan tersebut boleh membentuk identiti dan personaliti.

Seminar Psikologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi pada 1991 juga mengatakan bahawa minat menjadi faktor dalam pemilihan kerjaya. Hasil dari seminar ini menyatakan bahawa minat kerjaya memainkan peranan yang penting dalam perkembangan kerjaya individu di samping faktor-faktor lain seperti personaliti, bakat, pencapaian, keluarga, keadaan ekonomi dan halangan sosial serta fizikal yang dialami oleh seseorang individu.

Menurut Rodzimah (2000), sekiranya seseorang mempunyai minat yang tinggi terhadap kerja yang dilakukan, sudah pasti kerja tersebut akan dapat diselesaikan dengan memuaskan, tetapi jika seseorang tidak berminat melakukan sesuatu kerja sebaliknya ia melakukan atas desakan orang lain maka pasti kerja tersebut tidak akan memuaskan walaupun dapat diselesaikan. Disokong pula oleh Habibah (1980), yang menyatakan bahawa sesuatu kerja atau aktiviti akan diusahakan dengan nilai konsentrasi yang tinggi jika individu tersebut mempunyai minat terhadap kerja tersebut. Oleh itu minat boleh dianggap sebagai penggerak yang mendorong kita supaya memberi perhatian terhadap sesuatu perkara.

Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar aliran vokasional yang menjadi responden kajian ini bersetuju bahawa faktor jangkaan pendapatan menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi kesediaan mereka untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari. Keputusan kajian menunjukkan bahawa faktor ini merupakan faktor yang tertinggi sekali dengan purata min 2.73.

Ginzberg (1951) juga ada menyatakan kepentingan faktor gaji dalam membuat pemilihan kerjaya. Menurut beliau, realisma dalam pemilihan kerjaya terdapat beberapa perkara iaitu kerjaya yang dipilih biasanya di tahap atasan/ menengah, ia boleh membawa ganjaran ekonomi yang banyak dan ia mempunyai prestij yang tinggi dengan keperluan pendidikan yang minima.

Hasil analisis bagi item 15 iaitu “Saya akan bekerja dalam bidang yang menawarkan gaji yang lebih tinggi” menunjukkan bahawa seramai 111 orang responden (87.4%) bersetuju dengan pernyataan ini, 11 orang (8.7%) tidak bersetuju dan lima orang (3.9%) menjawab tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa responden akan memilih bidang pekerjaan yang menawarkan gaji yang lebih tinggi kepada mereka. Hasil kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Valentine (1974) dalam kajiannya ke atas sekumpulan pelajar lelaki yang mengakui pemberian gaji yang tidak memuaskan menyebabkan mereka berkecimpung dalam bidang lain. Hasil analisis bagi

item 12 iaitu “Gaji yang diperolehi dalam bidang yang dipelajari amat menarik” menunjukkan 114 orang responden (89.9%) bersetuju dengan pernyataan ini, tujuh orang (5.5%) tidak bersetuju dan enam orang (4.7%) menjawab tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar ini mempunyai gambaran awal yang positif tentang gaji dalam bidang ini. Hal ini membuatkan ramai responden berminat untuk memilih pekerjaan dalam bidang ini. Hasil kajian ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Faridah Mariani (1998) dalam kajian terhadap Pengaruh Pilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan 4, Sekolah Menengah Sultan Omar, Dungun, Terengganu mendapati pekerjaan yang dianggap berstatus dan tarikan gaji merupakan faktor yang mendorong pemilihan sesuatu kerjaya.

Rujukan

- Azizi Yahaya et al (2007), *”Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan”*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Betsy McCom, Ellen Wayne (1982), *”National Vocational Guidance Association”*. New Orleans : McGraw Hill.
- Crites (1969), *“ Vocational Psychology The Study of Vocational Behavior And Development”*. London. Mc Craw Hill Book Company.
- Crow dan Crow (1988), *“ Psikologi Pendidikan Untuk Guru”*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Ee Ah Meng (1991), *“ Pendidikan Sebagai Satu Proses”* . Kuala Lumpur.Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Faridah Mariani Johari (1998), *”Faktor Pengaruh Pilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Sutan Omar, Dungun, Terengganu”*. Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.
- Ginzberg Eli (1951), *“Occupational Choice, An Approach To A General Theory”*. New York, Colombia:University Press
- Habibah Mohd Samin (1997), *”Kerjaya: Ambil Kira Ketrampilan Pelajar”*. Berita Harian, 23 Jun 1980.
- Ismail Shaari (1994), *“Sistem Pemilihan Dan Perancangan Kerjaya Untuk Peringkat Sekolah Menengah Atas”*. Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (1978), *“Siaran Perangkaan Tahunan”*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan.
- Kamus Dewan (1994), Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Musa Daia (1997), *”Aspek Pendidikan Yang Diperlukan Remaja”*. Dewan Ekonomi. Jilid 4, Mei 1973. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Noran Fauziah Yaakub (1993), *“Guru dan Perguruan”*. Edisi Kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norlia Melawi (2000), *”Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pelajar Tahun Satu, Fakulti Pendidikan , Universiti Teknologi Malaysia Memilih Kerjaya Perguruan: Satu Tinjauan Awal”*. Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.
- Oppenheim, A.N. (1996), *“Questionnaire Design And Attitude Measurement”*. Gover, New York: Basic Books.
- Philip Ukin (2002), *”Satu Kajian Mengenai Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Pelajar Tingkatan 1 Dan 2 Di Sekolah Menengah Kerajaan Batang Igan, Sibul, Sarawak”*. Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.
- Quek, A.H (1995), *”Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Pelajar-Pelajar Di Tingkatan Enam”*. Universiti Teknologi Malaysia.Projek Sarjana Muda.